

TOPIK KOMPENDIUM: MENGENALI GUNA TANAH PERANCANGAN

KANDUNGAN PLANINFO

PLANINFO #7 (14/8/2018)

- Definisi Guna tanah
- 13 Kategori & Definisi Guna Tanah

PLANINFO #8 (14/8/2018)

- 13 Kategori & Definasi Guna Tanah (sambungan PLANINFO #7)

PLANINFO #9 (16/8/2018)

- Lapisan Guna Tanah

PLANINFO #10 (21/8/2018)

- Peta Guna Tanah Semasa Semenanjung Malaysia (Sehingga Jun 2017)

PLANINFO #11 (21/8/2018)

- Peta Guna Tanah Semasa Daerah Seremban

PLANINFO #12 (23/8/2018)

- Peningkatan kadar Tepu Bina Semenanjung Malaysia 2005 - 2040

TOPIK KOMPENDIUM: MENGENALI KATEGORI GUNA TANAH PERANCANGAN

PERKARA	MAKLUMAT	SUMBER
Definisi Guna Tanah	Guna tanah bermaksud aktiviti atau penggunaan di atas sesuatu lot tanah.	
Lapisan Guna Tanah	<p>GT Semasa Guna tanah sedia ada yang terdapat di atas tanah.</p> <p>GT Zoning Guna tanah yang telah ditetapkan ke atas lot-lot atau kawasan untuk satu tempoh yang telah ditetapkan oleh RT yang telah diwartakan oleh PBN. Guna tanah perancangan yang menjadi rujukan utama PBT dalam melakukan Kawasan pemajuan dan penggunaan tanah bagi setiap lot.</p> <p>GT Komited Guna tanah yang telah diberikan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) oleh PBT untuk tujuan kebenaran menjalankan pemajuan di atas lot-lot yang terlibat.</p>	Laporan I-Plan, 2015
Peratus Keluasan Tepu Bina Semenanjung Malaysia	<p>1. 2005 : 3.32% (0.48 juta ha)</p> <p>2. 2010 : 5.76% (0.76 juta ha)</p> <p>3. 2013 : 8.91% (1.17 juta ha)</p> <p>4. Jangkaan 2040 : 34.11% (4.49 juta ha)</p>	Rancangan Fizikal Negara ke-3
Unjuran Populasi Penduduk Malaysia	<p>1. 2005 : 18.52 Juta</p> <p>2. 2010 : 22.02 Juta*</p> <p>3. 2013 : 22.57 Juta</p> <p>4. Jangkaan 2040 (RFN-3) : 46.1 Juta</p>	*Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2010; Jabatan Perangkaan Malaysia
Kategori Guna Tanah	<p>1. Perumahan Kumpulan rumah atau rumah-rumah tempat tinggal.</p> <p>2. Perdagangan Aktiviti perniagaan yang melibatkan jual beli barang atau menyediakan perkhidmatan.</p> <p>3. Industri Perusahaan (biasanya secara besar-besaran) untuk membuat, menghasilkan atau mengeluarkan produk.</p>	

PERKARA	MAKLUMAT	SUMBER
	<p>4. Pembangunan Bercampur Lot yang mengandungi dua (2) atau lebih kelas kegunaan tanah atau premis yang mengandungi dua(2) atau lebih kelas kegunaan tanah di unit atau aras atau bangunan yang berbeza.</p> <p>5. Institusi & Kemudahan Masyarakat Aktiviti termasuk institusi kerajaan dan kemudahan masyarakat yang disediakan oleh agensi awam berkaitan / swasta.</p> <p>6. Tanah Lapang & Rekreasi Tanah lapang ialah kawasan yang dirizabkan sebagai taman bunga awam, taman awam dan padang sukan serta zon penampan. Rekreasi pula adalah tempat atau premis terbuka atau tertutup untuk tujuan rekreasi.</p> <p>7. Tanah Kosong Tanah milik / tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan atau lot yang telah dibangunkan tetapi terbengkalai, lot untuk pembangunan masa hadapan sama ada dalam keadaan asal atau telah dijalankan kerja tanah.</p> <p>8. Pengangkutan Infrastruktur berkenaan pembawaan (barang-barang dll) dari satu tempat ke tempat lain.</p> <p>9. Infrastruktur & Utiliti Kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan bekalan elektrik, air, pembetungan yang perlu bagi pembangunan.</p> <p>10. Pertanian Penanaman apa-apa tanaman (termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi maksud mendapatkan hasilnya), penternakan atau akuakultur.</p> <p>11. Hutan Meliputi hutan asli, hutan ladang, hutan untuk tujuan pengeluaran, perlindungan, pelbagai gunaan atau pemeliharaan, perlindungan, pelbagai gunaan atau pemeliharaan (Taman Negara, hutan simpan dan lain-lain kawasan perlindungan).</p>	Manual Pengurusan Data Geospatial Kajian Rancangan Pemajuan

PERKARA	MAKLUMAT	SUMBER
	<p>12. Badan Air Merujuk kepada kawasan air terkumpul seperti lautan dan tasik serta lagun dan tanah bencah (<i>wetlands</i>). Terdapat juga badan air buatan manusia (<i>man-made</i>) seperti lombong dan empangan.</p> <p>13. Pantai Pinggiran tanah di tepi laut.</p>	

